

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 14 OGOS 2017 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	BCDP dijangka sumbang RM7 juta setahun	Harian Metro
2.	Flying the digital skies	New Straits Times
3.	RM56.07 juta dana bagi projek RMK-11	Utusan Malaysia
4.	350 picked up in OP	New Straits Times
5.	Teknologi mendekati rakyat	Utusan Malaysia

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (BISNES) : MUKA SURAT 35
TARIKH: 14 OGOS 2017 (ISNIN)

BCDP dijangka sumbang RM7 juta setahun

Kuala Lumpur: Projek Jerami Padi menerusi Program Pembangunan Komuniti Bioekonomi (BCDP) dijangka menyumbang RM7 juta setahun dan meningkatkan produk terbiodegradasi bernilai tinggi di Malaysia dan pada masa yang sama mempromosikan kelestarian alam sekitar dan meningkatkan teknologi hijau.

Projek itu dilaksanakan Perbadanan Pembangunan Bioekonomi Malaysia menerusi perjanjian 10 tahun dengan syarikat berstatus Bio-Nexus, Free The Seed Sdn Bhd dan Pertubuhan Pela-

dang Kawasan Pendang Selatan (PPKPS) di Kedah.

Ketua Pegawai Eksekutif Bioeconomy Corp Dr Mohd Shuhaizam Mohd Zain berkata, industri pembungkusan terbiodegradasi berpotensi terus berkembang hasil daripada usaha yang dilaksanakan kerajaan dan negara lain dalam mengurangkan penggunaan bahan plastik dan polistirena.

“Menurut kajian Transparency Market Research, pasaran pembungkusan mesra alam global dijangka memecah AS\$177.7 bilion (RM762 bilion) pada 2018,” katanya dalam kenyataan, di

sini, semalam.

Menurutnya, projek yang dijalankan itu membolehkan petani dari PPKPS membekalkan 57,000 tan jerami padi dari 12 sawahnya kepada Free The Seed.

Sementara itu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau berkata, teknologi enzim Free The Seed yang dipatenkan World Intellectual Property Organisation (WIPO) itu membolehkan syarikat berkenaan menghasilkan 60 juta unit produk pembungkusan setahun.

“Free The Seed juga mem-

peroleh banyak pengiktirafan tempatan dan antarabangsa atas produk terbiodegradasinya, termasuk Anugerah Pemenang Sisa Buangan kepada Kekayaan menerusi Program Inovasi Global Greentech, selain kriteria Perlabelan Eko SIRIM ECO 009: 2016 yang diperakui oleh kerajaan bagi produk berasaskan biojisim dalam aplikasi makanan.

“Menerusi label ini, pengguna diberi jaminan ke atas keselamatan dan kebolehpercayaan ke atas produk dengan piawaian kebangsaan dan antarabangsa,” katanya.

Flying the digital skies

Malaysia Airlines moves a step ahead in digital aviation, writes Balqis Lim



The iSpace is intended to promote an agile and modern workspace.

DIGITAL technology is changing how companies operate in the business industry not only in the country but also the rest of the world, and it will continue to do so at an even greater speed.

In embracing the digital revolution, Malaysia Airlines recently launched its first in-house Innovation Lab, dubbed the iSpace, as it enters the third phase of its transformation towards becoming a digital airline.

The 770sqm facility, located at the Kuala Lumpur International Airport in Sepang, has a capacity to house 100 people.

It is intended to promote an agile and modern workspace, equipped with the airline's second physical Solution Cafe for helpdesk support, reading corner, gaming, recreational and scrum-free area as well as meeting rooms.

Malaysia Airlines group chief executive officer Peter Bellew says the airline's information technology transformation began last March and is expected to be completed by June next year.

"The successful implementation of IT is key to our success especially in improving the airline's customer experience and overall operational efficiency."

"We have almost completed 70 per cent of the overall planned IT transformation," says Bellew, at the official launch of the digital facility by Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau.

The iSpace was created in collaboration



The successful implementation of IT is key to our success especially in improving the airline's customer experience and overall operational efficiency.

Peter Bellew

with technology partners and academia such as Tata Consultancy Services, IBM Bluemix, Amadeus, Telekom Malaysia and University Malaysia.

DIGITISATION LAB

Malaysia Airlines aims to not only offer more services to customers but also make more revenue from other ancillary services rather than just from tickets.

As Malaysia has got a big pool of talents, Malaysia Airlines chief information officer Tan Kok Meng says it welcomes everyone whether companies, start-ups, or individuals to come and pitch their ideas at the lab.

"We know that it is usually hard for these young developers or newcomers to enter big companies like Malaysia Airlines."

Thus we are opening our door to them, giving them a chance to pitch ideas to our digital innovation council members who will hear them out.

Tan says if the ideas are good, Malaysia Airlines will accept them, even provide funding to start the project.

He adds that the selected group will be given three months to develop their ideas, whether it's a mobile app or gadgets, and it will be rolled out to the market for testing before commercialising it.

All the apps that are being incubated at the moment are meant for the airline, but they may be expanding the system to other industries.

"Maybe at a later stage we will expand the system to other industries such as the airport, banks and telco companies to add value to the ecosystem. All this to ensure a seamless journey for passengers."

HACKER TEAMS

As of now, five groups have been invited to develop their innovations at the lab.

These "hacker teams" were winners

chosen at the inaugural MABHackathon event in February. They had to develop mobile app solutions and presented their prototypes to a panel of judges from the airline's subsidiaries and experts.

"These teams are free to use the iSpace to hold meetings, discussion or just relax. This lab is like their work-play-rest area."

Tan says the teams are in the midst of developing solutions that are beneficial to customers including retail, car rental and hotel which will be an added function in the airline's main app. Some of the prototypes are expected to roll out by year-end.

MOVING FORWARD

With an agile and modern working environment, Bellew says iSpace will be able to attract and nurture both internal and external talent through innovation.

He also hopes these innovative solutions will enable efficiencies at critical touch points such as the tracking of special handling passengers, an interactive social media app that offer passengers personalised destination content, as well as an upgrade bidding app which can be used on mobile devices.

This is aimed to provide travellers a leaner, more agile experience — from booking tickets to pre-purchasing excess baggage, meals, managing loyalty points and bundled offers to suit their individual needs.

The last phase will be growing the platform for continuous innovation and differentiation to shape a new digital airline.

RM56.07 juta dana bagi projek RMK-11

MELAKA 13 Ogos - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi telah meluluskan dana berjumlah RM56.07 juta sejak awal tahun ini sehingga 30 Jun lalu bagi pelaksanaan projek dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11).

Timbalan Menteri, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, peruntukan itu disalurkan membabitkan sebanyak 109 projek diluluskan merangkumi aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R&D&C) di seluruh negara.

Beliau berkata, pihaknya percaya bilangan dana yang diluluskan itu akan meningkat kepada 150 projek dalam pelbagai sektor untuk teknologi dan inovasi untuk peruntukan di bawah RMK-11 yang bermula tahun ini.

"Dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) untuk tempoh 2011-2015, kerajaan telah meluluskan dana sebanyak RM1.198 billion meliputi 1,898 projek dan sebanyak 1,188 projek telah disiapkan hingga awal tahun ini.

"Dalam tempoh tersebut juga, sebanyak 106 projek telah berjaya dikomersilkan," katanya ke-

tika ditemui selepas merasmikan Karnival Kreativiti dan Sains4U di Pantai Kundur di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Seri Dr. Mohd. Azhar Yahaya.

Sementara itu, Abu Bakar berkata, penganjuran program dengan kerjasama jabatan dan agensi di bawah kementeriannya itu juga dilihat satu pendekatan yang berkesan dalam menggalakkan pembelajaran sains, teknologi dan inovasi dalam kalangan masyarakat.

"Pada tahun lalu lebih 24,000 orang termasuk pelajar, guru, belia dan masyarakat setempat telah berkunjung ke karnival ini yang diadakan di lima lokasi.

"Melihatkan kepada sambutan amat menggalakkan ini, kerjasama pintar antara kementerian dengan pelbagai pihak turut dipertingkatkan bagi merealisasikan pelaksanaan karnival di seluruh negara," katanya.

Tambahnya, ia turut meliputi kerjasama dengan rakan strategik seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Pendidikan Tinggi, kerajaan negeri dan sektor swasta.

COUNTER-TERRORIST RAID

350 PICKED UP IN OP

Some foreigners
detained may have
links to IS branch

FAISAL ASYRAF
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE Federal Special Branch Counter-Terrorism Division (SBCT-D) raided shoplots in Nilai 3, Negri Sembilan, yesterday, picking up 350 foreigners.

Some of those picked up were believed to be linked to the Islamic State of Khorasan province (ISKP) organisation, who had been in hiding in the country.

ISKP is a branch of the Islamic State (IS) and operates in the border area of Afghanistan and Pakistan.

In the three-hour operation,

742 shops in the area known for wholesale stores were checked in a joint operation by enforcement agencies.

It included 321 members of the General Operations Force, Traffic division, as well as the Federal Reserve Unit, Forensics, K9 unit, Special Action, Bomb Disposal units, Civil Defence Force, as well as the Atomic Energy Licensing Board.

SBCT-D principal assistant director Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay said the operation was a follow-up to the one in Masjid India here, where 400 foreigners were arrested on Aug 6.

"Based on the intelligence from the operation at Masjid India, we suspected that foreigners who were involved with ISKP have moved from Masjid India to Nilai 3 to assimilate themselves with other foreigners," said Ayob.

He said the chances that some

of these detainees being IS members were high.

The individuals picked up in the joint operation comprised individuals from Pakistan, Afghanistan, Bangladesh and Nepal.

Ayob said the suspects were taken to the Sepang district police headquarters for a screening, which will be based on the database of the Interpol Foreign Fighters Terrorist List as well as the Counter Terrorist List.

Police also seized four swords and a sledgehammer in a carpet shop.

Ayob said the outcome of the screening would be obtained today.

The *New Straits Times* reported in May that Malaysia had been made the unwitting recipient of foreign fighters prevented from entering Syria to fight alongside IS.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 19
TARIKH : 14 OGOS 2017 (ISNIN)

Teknologi mendekati rakyat

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) akan memberi penekanan kepada inovasi yang dapat dimanfaatkan oleh golongan atau kumpulan sasar sejajar dengan Program Translasi yang diperkenalkan Kementerian Pendidikan Tinggi.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM, **Prof. Datuk Dr. Husaini Omar**, program tersebut dilihat amat signifikan sebagai satu mekanisme pengkomersialan hasil penyelidikan supaya dapat dinikmati pengguna.

"Program ini mempunyai pendekatan memindahkan ilmu kepada kumpulan sasar supaya apabila produk dihasilkan, pengguna boleh dibimbing cara menggunakannya," ujarnya.

Beliau berkata, salah satu pendekatan dalam usaha pengkomersialan adalah mendapatkan maklum balas pengguna atau kumpulan sasar bagi mendapatkan penilaian mereka.

Cara tersebut kata Husaini, merupakan kaedah alternatif bagi mendapatkan maklum balas supaya sebarang kelemahan dan kekurangan hasil penyelidikan atau



MENTERI Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh (dua dari kanan) diberi penerangan mengenai cara menggunakan E-Cutter.

inovasi tersebut dapat diperbaiki.

Cara tersebut berbeza dengan kaedah yang biasa diamalkan iaitu bekerjasama dengan industri bagi mengkomersialkan inovasi berkenaan.

"Cara ini memakmurkan masa dan industri pula hendak pulangan yang cepat dan dana diperlukan untuk menaik taraf atau

peningkatan skala sebelum dapat dikomersialkan," ujarnya.

Kata beliau, selama ini, terdapat sebilangan besar inovasi yang dihasilkan adalah dalam skala makmal sahaja.

Hasil inovasi yang dihasilkan itu tidak semestinya sesuai dan terus dapat digunakan dalam persekitaran sebenar.

Sebaliknya kata beliau, inovasi berkenaan memerlukan kerja-kerja peningkatan skala menggunakan dana

pengkomersialan tertentu yang boleh diperoleh daripada pelbagai pihak dari dalam dan luar negara.

Dana tersebut mungkin boleh diperoleh daripada Kementerian Pengajian Tinggi; **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)**; dan dana pelaburan daripada industri atau swasta.

Beliau memberi contoh inovasi **E-Cutter** yang dihasilkan oleh UPM mengambil pendekatan mudah dengan memindahkan teknologi terus kepada peneroka sebagai kumpulan sasar yang dibimbing untuk menggunakannya.

Pembangunan inovasi tersebut adalah contoh bagaimana UPM mahu supaya hasil penyelidikan mereka terus sampai ke tangan pengguna. **E-Cutter** ini mudah guna, kurang gegar dan perlu sentuh sahaja untuk memudahkan peladang menggunakannya.

Oleh kerana ia menggunakan elektrik selain minyak, maka masalah gegaran dapat dikurangkan.

"Peneroka juga mahu kita mengurangkan beratnya tetapi kena periksa yang ideal kerana jika terlalu ringan, batang galah boleh melendut dan menjejaskan momentum," katanya sambil memberitahu inovasi berkenaan hanya seberat tiga kilogram. - **LAUPA JUNUS**



KAKITANGAN UPM menunjukkan cara memotong pelepah sawit menggunakan E-Cutter di Taman Pertanian UPM, Serdang, Selangor, baru-baru ini.



HUSAINI OMAR